

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi melahirkan lebih ramai golongan profesional di kalangan masyarakat Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited bagi melahirkan masyarakat Orang Asli yang mempunyai pencapaian pendidikan dan kemahiran arus perdana. Berdasarkan kepada Plan Strategik JAKOA Tahun 2016 hingga 2020, dibawah Fokus 3, Modal Insan dan Kemahiran Belia telah menggariskan teras strategik utama iaitu membangunkan modal insan masyarakat Orang Asli dan meningkatkan kemahiran belia dan beliananis di kalangan masyarakat Orang Asli. Berdasarkan kepada teras strategik ini yang dibahagikan kepada program seperti berikut;

- a. Program 1
Fokus kepada Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- b. Program 2
Fokus kepada Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)

- c. Program 3
Fokus Program Jejak Siswa (PJS)
- d. Program 4
Fokus Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)
- e. Program 5
Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Dalam merancang pembangunan modal insan di kalangan masyarakat Orang Asli, pihak JAKOA telah merangka plan tindakan menempatkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) kepada dua segmen pendidikan iaitu akademik dan bidang latihan kemahiran.

KPLB melalui JAKOA juga menjalankan kerjasama strategik bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melibatkan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Universiti Kuala Lumpur dan German-Malaysian Institute (GMI).

Berdasarkan kepada maklumat kerjaya di kalangan masyarakat Orang Asli dari tahun 2010 sehingga 2020 terbahagi kepada sektor awam dan swasta. Dalam sektor awam, pada tahun 2010 seramai 1,416 orang, manakala tahun 2020 seramai 3,420 orang. Ini telah menunjukkan peningkatan sektor awam sebanyak 59%. Bagi sektor swasta pula pada tahun 2010 seramai 722 orang dan bagi tahun 2020 seramai 1,977 orang. Ini pula telah menunjukkan peningkatan sebanyak 63%.

Sekian, terima kasih.